

Bekerja dengan Sebulat Tujuan*



ADA permulaan ucapannya Dato' Onn berkata:

Pada hari ni kita bersidang pada waktu akhir berdiri Persekutuan Tanah Melayu yang telah diusahakan oleh Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu melalui wakil, ahli-ahli, pembantu-pembantu dengan tujuan yang pertamanya kepada memansuhkan Triti MacMichael, dan keduanya menyatukan negeri-negeri di Semenanjung ini ke dalam Persekutuan Tanah Melayu.

Inilah juga kali yang pertamanya Majlis Mesyuarat Agung ini bersidang setelah Duli-duli Yang Maha Mulia Raja Melayu meletakkan tandatangan di atas perjanjian negeri masing-masing serta Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu, iaitu perjanjian yang dinyatakan dengan tepatnya iaitu Triti MacMichael itu adalah dimansuhkan.

Dato' Onn menyebut berkenaan dengan perjanjian yang telah dibuat dari suatu masa ke suatu masa di antara Raja-raja Melayu dengan Baginda King. Lebih kurang seminggu lagi Triti MacMichael itu akan dapat dikuburkan dan pada 1 hari bulan hadapan (Februari 1948) ini akan terdirilah Persekutuan Tanah Melayu. Beliau telah mendapat perkhabaran bahawa Baginda King bersejua membatalkan Triti MacMichael itu.

Ucapan beliau seterusnya:

Kepada perhatian seseorang wakil, kepada tiap-tiap ahli dan tiap-tiap seorang yang membantu dan menyokong Pekembar ini, saya sebagai sifat Yang Dipertua pertubuhan ini mengucapkan terima kasih, sebabnya kita beramai-ramai bersatu, beramai-ramai berusaha dan bekerja maka telah dapat usaha membatalkannya (Triti).

* Ucapan di Majlis Mesyuarat Agung UMNO di Istana Besar, Johor Bahru pada 24 dan 25 Januari 1948.

Dua tahun lamanya lebih kurang, kita telah bekerja beramai-ramai dengan sebulat hati, sebulat fikiran dan sebulat tujuan kita. Keadaan dua tahun itu akan berlipat-lipat ganda lagi, hendaklah kita bekerja dengan lebih kuat lagi, lebih tekun dan usaha lagi bagi mendirikan pertubuhan kita ini.

Hendaklah kita beramai-ramai membela, mengasuh, mendidik pertubuhan kita ini, pertubuhan yang telah dibina di Johor Bahru ini juga supaya ia berdiri dengan tegaknya sebagaimana seorang manusia yang sihat dan kuat.

Di hadapan kita adalah pekerjaan yang banyak dan berat, hendaklah kita tiap-tiap seorang menegakkan kepada apa yang telah dijadikan itu dan menolakkan perjalanan-perjalanannya melalui jalan-jalan yang lebar bahkan juga jalan-jalan yang sempit kita akan berjalan di atas jalan itu beramai-ramai dengan tidak diendahkan beberapa banyak bantahan-bantahan dan halangan-halangan daripada bangsa-bangsa lain ataupun bangsa Melayu sendiri. Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu telah meneruskan pekerjaannya dalam masa yang telah lalu, begitulah juga pada masa yang akan datang hendaklah kita bekerja dengan tekun supaya menghasilkan tujuan-tujuan kita yang lebih besar lagi.

Saya menarik pandangan wakil-wakil bahawa esok kita akan menjalankan rundingan berkenaan suatu perkara yang mustahak dalam majlis ini. Maka dalam masa rundingan itu saya minta kepada tiap-tiap seorang wakil supaya mengadakan fikirannya atas perkara itu dengan fikiran yang tenang, lapang dan bertujuan membina, dan janganlah berunding dengan mencari perbalahan atas apa juga yang dibahas dan dimaksudkan.

Bagi diri saya sendiri tidak dapat menyebut besarnya rasa hati saya yang telah diperintahkan memandu Pekembar ini dan diamanahkan menjalankan perundingan selama kira-kira dua tahun itu supaya dapat dijalankan amanah pada tahun 1946 itu. Sekalian yang telah diamanahkan kepada saya di Ipoh itu saya berharap telah dapat dihasilkan.

Dengan adanya Persekutuan yang semacam ini maka umat Melayu Semenanjung dengan sebenarnya telah melangkah ke tengah medan persatuan bukan sahaja bersatu dalam sebuah kerajaan, akan tetapi bersatu padu perasaan hati. Maka dengan adanya yang semacam itu rasanya tidak menjadi kebimbangan kepada sesiapa pun dengan fikiran-fikiran yang tenang dan ikhtiar-ikhtiar dapat di-

hasilkan jika dikehendaki masa akan datang kepada memelihara tanah air dan kepada membela hak-hak kita.

Pada penghabisan persidangan ini, saya akan bercakap lagi mengenai perkara itu. Saya tidak memanjangkan percakapan melainkan berucap kepada wakil-wakil selamat dan berjaya terus kepada Persekutuan Tanah Melayu dan terus kepada pemerintahan sendiri.